



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

19 February 2016 / 10 Jamadilawal 1437H

Kepentingan Bersyukur Tatkala Diuji

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ بِإِذْنِهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ
وَصَفِيُّ اللَّهِ مِنْ خَلْقِهِ وَحَبِيبُهُ إِمَامُ الْأَنْبِيَاءِ وَسَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ اللَّهُمَّ
صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Berapa sering kah kita mengambil sedikit masa menghitung nikmat yang ada pada kita? Sidang Jumaat yang dirahmati Allah, marilah kita panjatkan kesyukuran kepada Allah atas nikmat keimanan dan ketakwaan. Peliharalah nikmat ini dengan memastikan kita tidak mengabaikan perintah Allah dan tidak pula melanggar batasanNya. Mudah-mudahan Allah menambahkan nikmat ini dan mengekalkannya untuk kita dan keluarga.

Saudara,

Semenjak beberapa minggu ini, para khatib telah membicarakan tentang kepentingan mensyukuri nikmat. Hanya sahaja apabila disebut nikmat, akan terbayang di mata kita kesenangan, keselesaan dan kegembiraan. Namun kita sedia maklum bahawa hidup ini tidak sepi juga daripada kesedihan, kehampaan dan ujian. Namun tidak kira apa jua keadaanya, seorang Mukmin akan berusaha kekal bersikap positif. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: *“Sungguh menakjubkan keadaan orang yang beriman, kerana segala urusannya adalah baik baginya. Dan hal yang demikian itu tidak akan terdapat kecuali hanya pada orang mukmin; yaitu jika ia mendapatkan kebahagiaan, ia bersyukur, kerana (ia mengetahui) bahwa hal tersebut merupakan yang terbaik untuknya. Dan jika ia tertimpa musibah, ia bersabar, kerana (ia mengetahui) bahwa hal tersebut merupakan hal terbaik bagi dirinya.”* [Hadith riwayat Imam Muslim]

Subhanallah, bagaimana seorang Mukmin apabila ditimpa musibah boleh mempunyai tahap kesyukuran sedemikian saudara? Ia tidak lain adalah bermula dengan kesedaran bahawa setiap kali mereka ini diuji, maka itulah peluang untuk Allah tinggikan martabat mereka. Firman Allah s.w.t. dalam Surah Al-Baqarah ayat 155-157:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ
وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِيرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ
قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾ أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُهْتَدُونَ ﴿١٥٧﴾

Yang bermaksud: “Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. (155) (laitu) mereka yang apabila ditimpa kesusahan, mereka berkata: Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali. (156) Mereka itu ialah orang-orang yang dilimpahi dengan pelbagai kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmatNya dan mereka itulah orang-orang yang dapat petunjuk hidayatNya. (157).”

Saudara, apabila kita ditimpa musibah bersyukurlah kerana itu petanda Allah masih sayangkan kita. Kita sebagai manusia jika terus-menerus mendapatkan kemewahan, keselesaan, kesenangan akan amat mudah hanyut, sehingga melupakan dan tidak merasakan perlu untuk dekat dengan Allah. Untuk itu, ada kalanya Allah memberikan kita ujian. Di mana dalam ujian

itu kita akan merasa perlu untuk kembali bersujud, memohon bantuanNya.

Oleh itulah Nabi s.a.w. menyebutkan *“Manusia yang paling dashyat dugaannya adalah para anbiya’ kemudian orang-orang serupa lalu orang-orang yang serupa. Seseorang itu diuji menurut ukuran agamanya. Jika agamanya kuat, maka dugaannya juga mencabar. Dan jika agamanya lemah, maka ia diuji menurut agamanya.”* [Hadith riwayat At-Tirmidzi dan Ibnu Majah]

Jika kita, sebagai contoh, sedang diuji Allah dengan masalah keluarga. Ingatlah saudara, para Anbiya’ juga menghadapi cabaran dan masalah dengan keluarga mereka. Nabi Nuh a.s. mempunyai anak yang meninggalkan keimanan dan menafikan Tuhan. Nabi Ibrahim a.s. berhadapan dengan seorang bapa yang ingin agar anaknya dilontarkan ke dalam api yang menyala. Nabi Lut a.s. mempunyai isteri yang tidak tertarik pada lelaki lagi. Nabi Yusuf a.s. mempunyai adik beradik yang pada awalnya begitu sekali cemburu sehingga mereka sanggup meninggalkannya di dalam perigi buta.

Oleh itu, ketahuilah saudara, jika kita sedang diuji Allah, itu merupakan suatu nikmat, yang tersembunyi disebaliknya ganjaran yang luar biasa, kerana para Nabi juga diuji Allah

s.w.t. Namun itu bukan bermakna bahawa kita berpeluk tubuh dan membiarkan sahaja masalah mahupun dugaan tanpa diusahakan mencari huraianya.

Yang penting apabila kita ini diuji, pertama sekali mohonlah kekuatan daripada Allah s.w.t. sepertimana yang diajarkan Nabi s.a.w. dalam sabdanya *“Tidaklah seorang hamba ditimpa musibah lalu berkata:*

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ، اللَّهُمَّ أَجْرِنِي فِي مُصِيبَتِي ، وَأَخْلِفْ لِي خَيْرًا مِنْهَا .

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya kami milik Allah dan kepadanya akan dikembalikan, Ya Allah, berikanlah pahala kepadaku atas musibah yang menimpaku dan berikanlah ganti yang lebih baik darinya.”* Nabi berkata: *“Allah pasti akan mengurniakan ganjaran pahala daripada ujiannya serta menggantikan baginya dengan sesuatu yang lebih baik.”* [Hadith riwayat Imam Muslim]

Setelah kita bangunkan semangat dalam diri untuk berhadapan dengan dugaan kehidupan. Kita aturkan langkah mengatasi dugaan dan memperbaiki keadaan. Terlalu sering, apabila orang ditimpa musibah, mereka terlalu fokus kepada meratap kesusahan, sehingga kurang pemerhatian kepada mencari huraianya. Bahkan ia boleh menyebabkan seseorang untuk tertekan.

Contohnya, apabila kita mungkin ditimpa penyakit yang menjejaskan mutu atau gaya kehidupan. Mungkin kita sudah tidak lagi dapat menjalankan kehidupan seaktif dahulu. Namun itu tidak bermakna kita harus terus sedih dan berputus asa. Saudara, jika kita terus bersedih dan murung, orang yang kita sayangi akan turut sama terkesan. Maka bangkitlah semula, bincangkan bersama keluarga bagaimana kita boleh merancang gaya hidup baru yang lebih baik dan sesuai dengan keadaan kita. Jika dahulunya kita kurang bersenam, beribadah atau bersama keluarga. Maka mungkin hikmah di sebalik penyakit ini adalah menyedarkan kita akan semua itu dan untuk kita memberikan tumpuan juga pada Allah dan keluarga.

Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita kekuatan untuk bersabar di atas segala ujian kehidupan, amin ya Rabbal Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.